



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### **OPERASI KHAS CEGAH JATUH DI INDUSTRI PEMBINAAN**

Putrajaya, 11 Jun - Seramai 285 pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang diketuai oleh Tuan Ir. Haji Omar bin Mat Piah, Ketua Pengarah JKKP Malaysia telah menyerbu beberapa tapak pembinaan di seluruh Negara hari ini.

'Ops Cegah Jatuh' yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap pematuhan majikan/kontraktor terhadap undang-undang yang tertakluk dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Kilang dan Jentera 1967 serta Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan (Keselamatan), 1986. Operasi ini lebih memfokuskan kepada aktiviti kerja-kerja di tempat tinggi dan kerja-kerja mengangkat (*lifting*) di kawasan pembinaan.

Pada operasi kali ini, sebanyak 96 tapak pembinaan di seluruh Negara telah diperiksa dan 656 notis notis pemberian dan larangan serta 61 surat arahan telah dikeluarkan terhadap pelbagai kesalahan dan pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh majikan/kontraktor. Antara kesalahan yang banyak dilakukan adalah tepian terbuka yang melibatkan kerja-kerja di tempat tinggi, tiada pelan kerja bagi aktiviti mengangkat dan ketiadaan laluan keluar masuk yang selamat. Kegagalan mematuhi perundangan, majikan/kontraktor boleh didenda maksimum sehingga RM50,000 bagi setiap kesalahan yang disabitkan.

Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ingin mengingatkan dan menggesa semua pihak di industri pembinaan agar menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan tapak pembinaan dan kawasan berhampirannya selamat dan kondusif.

###

**Dikeluarkan oleh:**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Sumber Manusia**